

# KUB patut ditukar jadi sebuah syarikat

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Koperasi Usaha Bersatu (KUB) yang kini memiliki saham bernilai RM400 juta sepatutnya ditukar menjadi sebuah syarikat kerana ia sudah tidak sesuai lagi ditadbir sebagai sebuah badan koperasi.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika berkata demikian menegaskan, tujuan utama penubuhan koperasi ialah untuk membantu orang-orang kampung.

Bagaimanapun, katanya, KUB sudah menjadi sebuah badan gergasi dengan saham bernilai RM400 juta dan oleh itu adalah tidak sesuai lagi jika ia ditadbirkan sebagai sebuah koperasi.

"Apakah setiap kali hendak membuat keputusan penting harus diadakan mesyuarat agung sedangkan sebagai sebuah badan yang sudah besar ia memerlukan keputusan segera untuk kepentingan perniagaan.

"Dulu, ketika KUB ditadbir oleh kumpulan yang satu lagi selalu saja rugi tetapi sekarang di bawah Hassan Harun, Alhamdulillah, KUB sudah maju," kata Dr. Mahathir ketika menggulung perbahasan di akhir Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Du-

nia Putra (PWTC) petang ini.

Jelas Dr. Mahathir, koperasi MCA iaitu Multi Purpose Holding pada suatu ketika dahulu rugi besar tetapi kini ia memiliki salah sebuah bangunan tertinggi di ibu negara setelah ditadbirkan sebagai sebuah syarikat.

Mengenai kedudukan Kampung Baru yang tersepit di tengah-tengah pembangunan pesat ibu kota, Dr. Mahathir meminta para pemilik tanah di situ menimbang semula tuntutan pampasan mereka yang terlalu tinggi.

Dahulu, katanya, keseluruhan kawasan itu tidak dimiliki oleh sesiapa pun kecuali orang Melayu tetapi seorang Menteri Besar telah mengeluarkan geran kepada semua penduduk di situ dan akhirnya ia menjadi milik individu.

"Pelancong datang dan tengok kawasan itu di kelilingi oleh pencakar la-

ngit dan orang yang duduk di situ pula duduk dalam rumah buruk. Apakah ini imej yang kita hendak tonjolkan kepada ibu kota kita?"

"Saya serahkan masalah ini kepada Drs. Sulaiman Mohamed untuk selesaikan...kalau dia boleh buat sesuatu yang saya sendiri gagal buat," katanya.

Dalam ucapan penggulungannya itu, Dr. Mahathir juga meminta orang Melayu memandang tinggi kepada kemampuan dan kebolehan diri mereka.

Jepun sendiri katanya kagum bagaimana penduduk kampung di Kedah mampu menghasilkan satu barangan yang memenuhi standard kualiti negara matahari terbit itu dan mereka memesan barangan tersebut sejumlah RM1.5 juta.